



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

13 JANUARI 2021

1. 37 perkhidmatan boleh beroperasi
2. Perak jalin kerjasama dengan Eurofresh untuk bekal daging tempatan
3. “Kucing peliharaan pun mangsa bah”
4. Lagi individu direman skandal daging kartel
5. Sektor pelancongan dalam tanda tanya
6. Ejen penghantar kena reman 5 hari
7. Kini mampu bersaing: Colla Niaga fokus aktiviti import, eksport, jualan daging tempatan
8. Eurofresh taps local fresh beef distribution

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

Pelaksanaan PKP

37 perkhidmatan boleh beroperasi

Kebenaran
babit lima
sektor
ekonomi

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sebanyak 37 perkhidmatan dalam lima sektor ekonomi utama dibenar beroperasi dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di enam negeri bermula hari ini.

Menteri Kanan merangkap Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata perkhidmatan perlu itu merangkumi sektor pengilangan dan pembuatan di bawah kawal selia kementerian selain sektor pembinaan, perkhidmatan, perdagangan dan pagedaran serta perlada-

ngan dan komoditi di bawah bidang kuasa kementerian serta agensi lain.

Beliau berkata, prosedur operasi standard (SOP) bagi sektor pengilangan dan pembuatan yang di bawah tanggungjawab Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) boleh di-muat turun di www.miti.gov.my.

"Keputusan kerajaan membenarkan lima sektor ekonomi ini beroperasi adalah bagi menjamin proses pemulihan semula ekonomi negara, kemampunan perniagaan, mengelak kadar kehilangan pekerjaan yang tinggi dan memastikan akses keperluan asas serta kritikal dapat diperolehi.

"Tindakan bertanggungjawab ini memberi impak positif khususnya dalam usaha kerajaan memastikan pertumbuhan ekonomi negara, pelaburan tempatan dan asing serta kelangsungan perusahaan kecil dan sederhana (PKS)," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Mohamed Azmin berkata, antara pertimbangan penting yang turut diambil kira oleh kerajaan adalah keperluan menjamin kestabilan aktiviti eksport negara.

"MITI yang bertanggungjawab ke atas pembangunan dan perkembangan aktiviti industri, perdagangan dan pelaburan negara juga sentiasa terbuka menerima pandangan dikemukakan persatuan industri dan dewan perniagaan," katanya.

Beliau berkata, pandangan industri penting bagi bantu kerajaan capai keseimbangan antara perlindungan kesihatan dan keperluan menjaga serta merangsang semula sektor ekonomi.

"Hasil libat urus dan kerjasama dengan persatuan industri, dewan perniagaan dan pihak berkepentingan lain, MITI merangka SOP komprehensif, relevan dan praktikal.

"SOP ini akan membantu kelangsungan operasi serta pelan kesinambungan syarikat dan in-



Mohamed Azmin Ali

dustri khususnya dalam tempoh PKP bermula 13 Januari sehingga 26 Januari 2021," katanya.

Bagi sektor pengilangan dan pembuatan, aktiviti dibenarkan antaranya adalah aeroangkasa, automotif, makanan, minuman dan rantainya, pembungkusan dan peretakan, produk barangan rumah, barang penjagaan diri (FMCG) dan bahan pencuci termasuk rantainya serta penjagaan kesihatan dan perubatan.

Sektor pembinaan yang diben-

narkan adalah kerja penyelenggaraan dan pembaikan kritikal, infrastruktur awam utama dan bangunan yang menyediakan penginapan pekerja lengkap di tapak bina atau pekerja yang ditempatkan di Kuarters Pekerja Berpusat (CLQ).

Aktiviti lain termasuk perkhidmatan kewangan dan rantainya, perkhidmatan perbandaran dan kerajaan tempatan, infrastruktur telekomunikasi dan digital, e-dagang, hotel dan penginapan, utiliti, perkhidmatan kawalan keselamatan serta perkhidmatan dan pengusahaan pelabuhan, limbungan dan lapangan terbang.

Sektor perdagangan pengedaran membabitkan pengedaran dan logistik, selain perkhidmatan/ penjualan/ penghantaran makanan dan minuman.

Aktiviti pertanian, perikanan dan penternakan serta rantainya dan perladangan dan komoditi serta rantainya turut dibenar beroperasi.

Perak jalin kerjasama dengan Eurofresh untuk bekal daging tempatan

Kuala Lumpur: Kerajaan Negeri Perak melalui Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPNP) berhasrat untuk memperkasakan sektor penternakan di negeri itu dalam usaha menampung keperluan daging tempatan bagi pasaran di dalam negara.

Pengerusi Jawatankuasa Perlindungan, Pertanian dan Industri Makanan Perak, Razman Zakaria berkata, ketika ini keupayaan pengeluaran daging tempatan hanyalah sebanyak 30 peratus berbanding 70 peratus daging import.

Katanya, ditambah dengan isu kartel daging haram, sedikit sebanyak memberi kesan keraguan kepada umat Islam, justeru jika ia berterusan mampu memberi impak kepada ekonomi.

"Jadi, bagi memastikan permintaan daging halal ini dapat ditampung, kerajaan negeri sudah berbincang dengan anak syarikat iaitu Eurofresh Sdn Bhd (Eurofresh) untuk menjalinkan kerjasama dengan penternak di Perak bagi memperoleh sumber daging tempatan.

"Ini memandangkan, di Perak

Eurofresh juga menawarkan produk daging dan makanan sejuk beku import tanpa membabitkan orang tengah.

Razman Zakaria,
Pengerusi Jawatankuasa Perlindungan, Pertanian dan Industri Makanan Perak

saja, kita mempunyai seramai 1,066 penternak lembu dengan jumlah keseluruhan lembu ialah 41,448 ekor. Sementara itu, penternak kerbau pula seramai 238 orang manakala penternak kambing, 700 orang.

"Apabila kerjasama ini dijalankan orang ramai tidak perlu ragu lagi, berikutan Eurofresh akan dikenali sebagai pengedar daging tempatan halal.

"Pada masa sama, Eurofresh juga menawarkan produk daging dan makanan sejuk beku import



Razman (tengah) bersama Yahanis (lima dari kiri) dan Mohamad Hisam (kanan) ketika melawat stor penyimpanan Eurofresh di Taman Perindustrian Kip, Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Eizaiti Shamsudin/BH)

tanpa membabitkan orang tengah bagi memastikan status halal tidak "diragui," katanya ketika ditemui pada sidang media dan lawatan ke Eurofresh Sdn Bhd, dekat sini, semalam.

Kebanyakan daging Eurofresh diimport terus dari Australia, New Zealand, India, Brazil dan Jepun manakala makanan laut sejuk beku dari Chile, Alaska, Korea dan China.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPNP), Yahanis Yahya dan Pengurus

Besar Eurofresh, Mohamad Hisam Mohamad Yusof.

Beliau berkata, apabila inisiatif ini diambil, secara tidak langsung dapat membantu meningkatkan pendapatan penternak menerusi pembelian daging segar.

"Malah, pendekatan ini juga akan mengurangkan kebergantungan kepada pengimportan makanan serta pengaliran mata wang ke luar negara," katanya.

Sementara itu, Mohamad Hisam berkata, Eurofresh sesekali tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang tidak me-

matuhi garis panduan ditetapkan kerana ia membabitkan hukum syarak.

"Dalam jangka masa panjang, Eurofresh akan menjalinkan kerjasama dengan rakan perniagaan dalam Kumpulan PPPNP untuk menyediakan pusat pengambilan dan pemprosesan daging lembu dan kambing segar.

"Untuk makluman, terdapat 30 usahawan yang menjalinkan kerjasama dengan PPPNP dalam projek penternakan membabitkan lembu dan kambing di seluruh Perak," katanya.

Medic Iltizam Ambulance gerak usaha murni elak haiwan itu bergelandangan

'Kucing peliharaan pun mangsa bah'

Oleh FARAHWAHIDA AHMAD

SEGAMAT – Menyedari ramai mangsa banjir tidak sempat menyelamatkan haiwan peliharaan masing-masing kerana terpaksa meninggalkan kediaman dengan segera, sukarelawan Medic Iltizam Ambulance Segamat mengambil inisiatif melancarkan gerakan mencari dan menyelamatkan haiwan tersebut.

Akibat air naik mendadak sewaktu banjir akhir-akhir ini, ramai penghuni hanya mampu melihat kucing peliharaan mereka bergelandangan di tepi jalan sekitar rumah.

Bekas ahli Persatuan Bulan Sabit Malaysia (PBSM) Segamat yang juga pengendali Medic Iltizam Ambulance Segamat, Fairuz Yahya, 50, berkata, idea itu tercetus setelah melihat banyak haiwan peliharaan itu turut menjadi mangsa semasa banjir melanda.

"Antara kes menyayat hati



SUKARELAWAN Medic Iltizam Ambulance Segamat mengambil inisiatif menyelamatkan haiwan peliharaan yang terperangkap akibat banjir di sekitar daerah Segamat.

adalah kucing peliharaan mati dalam kediaman yang dilanda banjir besar sekitar Segamat

pada 2006 dan 2011 yang lalu.

"Apabila menyedari tempat tinggal mereka mula dinaiki air

dengan mendadak, ada segelintir penduduk yang panik bergegas menyelamatkan diri serta ter-

lupa nasib kucing peliharaan sebelum ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS)," katanya ketika ditemui di Kampung Seberang Batu Badak, di sini baru-baru ini.

Katanya, mungkin dalam keadaan kelim-kabut itu, mangsa banjir terlupe untuk membawa bersama kucing peliharaan mereka menyebabkan haiwan berkenaan terperangkap sama ada di atas pokok, bumbung rumah dan di atas parkir bumbung di luar kediaman.

Selain Fairuz, pasukan itu turut dibantu 10 anggota termasuk Hairudin Md. Salleh, 63, dan Nurul Shahira Iqma, 18, bagi mengesan kucing yang ditinggalkan di kediaman mangsa banjir.

"Selain menyelamatkan dan memberi makan kucing yang juga mangsa banjir, kami turut merawat kucing di dalam ambulans, sementara menunggu air surut dan tuannya pulang," katanya.

Lagi individu direman skandal kartel daging

JOHOR BAHRU – Seorang ejen penghantaran direman lima hari oleh Mahkamah Majistret di sini semalam bagi membantu siasatan kes kartel daging sejuk beku import yang didedahkan awal Disember lalu.

Perintah reman dikeluarkan Penolong Pendaftar Mahkamah Majistret Johor Bahru, Nur Fathiah Mohd Fedzier selepas mendapat permohonan daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Johor.

Lelaki itu direman sehingga 16 Januari bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

Sebelum ini, Pengarah SPRM, Datuk Azmi Alias mengesahkan mengenai penahanan suspek berusia 55 tahun itu di Pejabat SPRM Johor kira-kira pukul 8 malam kelmarin.

Pada Khamis lalu, dua pegawai Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Johor direman selama lima hari.

Kedua-dua individu berusia 27 dan 31 tahun itu direman mengikut Seksyen 17 (a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 bagi siasatan lanjut.

Turut direman bagi membantu siasatan adalah seorang pengarah dan tiga pekerja sebuah syarikat pengimport daging sejuk beku berusia antara 39 hingga 50 tahun.

Pada 2 Disember lalu, Maqis mendedahkan kegiatan kartel daging sejuk beku import yang membawa masuk daging tanpa sijil halal sebelum meletakkan logo halal palsu untuk dijual di pasaran tempatan.



EJEN penghantaran (kanan) yang direman selama lima hari bermula semalam bagi membantu siasatan kes kartel daging.

Kuala Lumpur: Dasar Pelancongan Negara (DPN) 2020-2030 diharap dapat memacu sektor pelancongan ke tahap lebih baik dalam jangka masa panjang lebih-lebih lagi pada pasca krisis pandemik Covid-19.

Walaupun pelancongan domestik dilihat menunjukkan perkembangan positif apabila kerajaan mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) sejak 10 Jun sehingga 31 Disember 2020 namun dengan peningkatan kes harian baharu Covid-19 kebelakangan ini yang kekal mencatat empat digit, pelbagai kemungkinan boleh berlaku.

Malaysia mula merekodkan kes harian empat digit Covid-19 pada 24 Oktober lepas dengan catatan 1,228 kes dan bermula penghujung Nov 2020, fenomena kes harian empat digit direkodkan setiap hari sehingga rekod tertinggi yang dilaporkan pada 7 Januari lepas, iaitu sebanyak 3,027 kes.

Susulan pertambahan kes yang membimbangkan, kerajaan kelmarin memutuskan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk tempoh 14 hari bermula jam 12.01 tengah malam tadi sehingga 26 Januari nanti.

Perintah ini melibatkan tiga peringkat pelaksanaan, PKP bagi enam buah negeri iaitu Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan), Melaka, Johor dan Sabah, PKP Bersyarat (PKPB) ke atas enam buah negeri iaitu Pahang, Perak, Negeri Sembilan, Kedah, Terengganu dan Kelantan manakala PKPP bagi negeri Perlis dan Sarawak.

Agensi pelancongan, sektor perhotelan dan syarikat pengangkutan antara yang terjejas apabila terpaksa menghentikan operasi sementara ketika pelaksanaan PKP sebelum ini yang di-

Sektor pelancongan dalam tanda tanya



Tambah stok keperluan pengguna

PEKERJA sebuah kedai runcit menyusun telur pelbagai gred sebagai tambahan stok untuk keperluan pelanggan ketika tinjauan di Seremban, semalam. Kelmarin, Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin menyampaikan keputusan khas mengenai pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan memutuskan Negeri Sembilan antara enam negeri dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) selama 14 hari bermula pada 13 hingga 26 Januari ini.

Mei 2020.

Kita kalau boleh memang nak 'bangunkan' semula industri pelancongan kerana selepas fasa PKP, bukan mudah untuk industri perhotelan kembali pulih"

Emmy Suraya

laksana pada 18 Mac sehingga kerajaan secara perlahan-lahan membenarkan sektor ekonomi tertentu kembali beroperasi ketika PKPB dilaksanakan pada 4

Kesan PKP sebelum ini juga, ramai hilang pekerjaan, diberi cuti tanpa gaji, malah banyak syarikat dan perusahaan terpaksa akur 'guglung tika' akibat masalah ekonomi yang dihadapi.

Pekerja hotel, kakitangan syarikat penerbangan, pemandu bas dan pelancong antara yang 'direhatkan' secara 'besar-besaran' sehingga ada terpaksa 'terjun' ke bidang lain seperti membuka gerai burger dan berniaga secara dalam talian bagi meneruskan kelangsungan hidup.

Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) Datuk Abdul Halim Mansor

pada 31 Mei lepas dilaporkan berkata, pekerja hotel antara paling teruk terjejas dengan ada dipotong gaji, dipaksa bercuti tanpa gaji, dipaksa menggunakan cuti tahunan dan lebih teruk lagi terus dibuang kerja.

Beliau difahamkan lebih 30,000 di dalam industri perhotelan di seluruh negara hilang pekerjaan, lebih 10,000 dicutikan tanpa gaji dan lebih 6,000 pekerja dipotong gaji ekoran aktiviti perniagaan industri yang menguncup.

Presiden Persatuan Hotel Bajet Malaysia (Mybha), Emmy Suraya Hussein berkata, walaupun tidak dapat meramalkan apa yang bakal

berlaku terhadap industri pelancongan selepas ini khususnya dalam bidang perhotelan namun DPN ibarat platform persediaan awal kepada pemain industri untuk 'bangkit' memulihkan keadaan mereka.

"Sekarang susah kita nak menjangkakan kerana apa sahaja boleh berlaku... kita kalau boleh memang nak 'bangunkan' semula industri pelancongan kerana selepas fasa PKP, bukan mudah untuk industri perhotelan kembali pulih.

"Setiap pemain industri tidak boleh mengharap 100 peratus kepada kerajaan. Kita perlu bersiap-sedia dan bekerjasama menghadapi

kemungkinan kerana kita pernah melalui situasi mencabar semasa PKP sebelum ini," katanya.

Berharap agar kerajaan negeri dan pusat memainkan peranan penting dalam membantu menaik taraf kemudahan dan kawasan tumpuan pelancong terutama hotel bajet yang menjadi pilihan kebanyakan pelancong tempatan, beliau berkata, inisiatif itu dapat menarik perhatian sekali gus mengembangkan aktiviti pelancongan domestik.

Tambahnya, sejak PKP sehingga kini, 20 peratus daripada 2,300 hotel bajet di seluruh negara terjejas sehingga ditutup sementara dan menghentikan operasi.

Sementara itu, Yang Dipertua Persatuan Pengusaha Bas Ekspres Melayu Semenanjung (Pembawal), Mohamed Kaharudin Salleh berkata, sejak 7 Disember lepas sehingga kini, permintaan tiket bas untuk merentas negeri meningkat sehingga 30 peratus berbanding jualan ketika PKP.

"Ramai pemandu bas yang sebelum ini terpaksa 'direhatkan' dan menjadi pemandu e-hailing buat sementara sudah dipanggil kembali untuk bertugas malah ada syarikat-syarikat bas yang mengambil pemandu baharu.

"Apabila ada 'pergerakan' (dibenarkan) sudah tentu ramai pulang ke kampung atau bercuti dalam negeri jadi ramai yang membeli tiket bas, sekali gus mengelak kerugian seperti ditanggung semasa tempoh PKP.

"Sungguh pun begitu, prosedur operasi standard (SOP) perlu sentiasa dititikberatkan. Pihak kami sebagai contoh perlu memastikan jarak tempat duduk antara penumpang dijaga di samping setiap pemandu dan penumpang perlu memakai pelitup muka dan menggunakan cecair pembasmi kuman," katanya.



SUSPEK dikenakan perintah reman lima hari oleh Mahkamah Majistret Johor Bahru, semalam.

KARTEL DAGING IMPORT

Ejen penghantar kena reman 5 hari

Johor Bahru

Seorang ejen penghantaran daging sejuk beku dikenakan perintah reman lima hari oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam dipercayai terabit dalam kegiatan rasuah berhubung isu skandal kartel daging.

Perintah reman sehingga 16 Januari itu dikeluarkan Penolong Pendaftar Nur Fathiah Mohd Fedzir yang membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membolehkan lelaki itu

disiasat di bawah Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

Lelaki berusia 55 tahun yang direman itu diwakili peguam bela dari Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan.

Lelaki berkenaan ditahan di pejabat SPRM Johor malam kelmarin bagi membantu siasatan yang dijalankan.

Tertuduh yang berpakaian baju lokap SPRM berwarna oren tiba di pekarangan mahkamah pada jam 8.45 pagi semalam dengan diiringi pegawai

SPRM menaiki kenderaan agensi itu.

Kelmarin, Pengarah SPRM Johor Datuk Azmi Alias ketika dihubungi, mengesahkan tangkapan lelaki itu pada jam 8 malam kelmarin, namun enggan mengulas lanjut berikutan kes masih dalam siasatan.

Pada 4 Januari lalu, empat individu termasuk dua pengarah syarikat pengimport daging sejuk beku turut direman kerana dipercayai terabit dalam kes rasuah dalam aktiviti penyeludupan bahan mentah itu.

Tiga hari kemudian, dua

pegawai Maqis ditahan SPRM Johor kerana disyaki terabit dengan kegiatan rasuah berhubung isu aktiviti penyeludupan bahan mentah sejuk beku dari negara dilarang untuk dibawa masuk ke Malaysia.

Pada 1 Disember tahun lalu, pihak berkuasa menyerbu sebuah kilang di Senai, sekali gus mendedahkan kegiatan kartel daging sejuk beku import yang membawa masuk daging tanpa sijil halal sebelum meletakkan logo halal palsu untuk membolehkannya dijual di pasaran tempatan.





JAMAL Abdul (kanan) bersama Amirul Rahman menunjukkan daging yang dijual di Colla Meat House, Shah Alam.

Kini mampu bersaing

Colla Niaga fokus aktiviti import, eksport, jualan daging tempatan



Oleh Hajar Umira Md Zaki

am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Syarikat agrikultur, Colla Niaga Sdn Bhd yang memfokuskan aktiviti import, eksport dan penjualan daging tempatan ber-

kualiti tinggi memproses 120 ekor lembu dengan anggaran 24,000 kilogram (kg) daging segar dalam tempoh sebulan.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Jamal Abdul Karim berkata, walaupun baru tiga tahun beroperasi hasil kerjasama dengan rakan kongsi, Datuk Amirul Rahman Abdul Rahim, Colla Niaga kini mampu bersaing di pasaran.

"Kami memulakan operasi pada 2017 dengan hasrat untuk menjadi pembekal dan pengedar utama lembu dan kambing serta daging segar tempatan yang halal pada harga berdaya saing dan berpatutan.

"Selepas tiga tahun, kami

berjaya memiliki lima ladang persendirian dan kedai daging yang menawarkan daging segar hasil ternakan sendiri di bawah jenama Colla Meat House.

"Malah, haiwan ternakan kami diberi makanan hasil formulasi kami sendiri selain turut menggunakan khidmat penyembelih bertauliah," katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Menurutnya, tahun lalu produk keluarannya sudah menembusi pasar raya di Malaysia seperti Mydin, Giant dan Aeon Big.

"Terdapat juga permintaan untuk menjadi ejen Colla dan membuka cawangan atas nama Colla, namun sa-

ya masih belum bersedia kerana sumber ternakan masih belum mencukupi.

"Saya khuatir bila terlalu cepat membuka ruang kepada orang ramai untuk turut serta dalam perniagaan ini, sumber tidak mencukupi, sekali gus menjejaskan nama baik Colla," katanya.

Katanya, menuju ke depan, fokus utama Colla Niaga pada 2021 adalah untuk memperkasakan pembiakan untuk haiwan ternakan di Taiping, Perak bagi meningkatkan populasi ternakan di Colla bagi kegunaan pasaran di Malaysia, serta mengurangkan ketergantungan terhadap daging import.

UPHOLDING HALAL STATUS

Eurofresh taps local fresh beef distribution

KUALA LUMPUR: Eurofresh Sdn Bhd, a subsidiary of the Perak Agricultural Development Corporation (PPNP), will soon venture into the distribution of fresh local beef as part of its long-term plan.

Perak Plantations, Agriculture and Food Industries Committee chairman Razman Zakaria said people were starting to question the halal status of imported frozen beef following last year's news report on a meat cartel.

This is despite the country being reliant on imported beef, which comprises 70 per cent of the domestic supply.

"When people are in doubt, it affects the economy, hence the plan to market fresh beef to the people," Razman said at a press conference after visiting the Eurofresh outlet here yesterday.

Present was PPPNP chief executive officer Yahanis Yahya.

Eurofresh has 41,448 cattle from more than 1,000 breeders and

22,887 goats from more than 700 breeders.

Previously, 30 entrepreneurs established cooperation with PPPNP in livestock projects involving cattle and goats in Perak.

PPNP also collaborated with the Perak Veterinary Services Department in health screening, advisory services and the issuance of permits involving livestock such as cattle.

Eurofresh will establish cooperation with the entrepreneurs and breeders in purchasing fresh beef to improve their business.

Its general manager, Mohamad Hisam Mohamad Yusof, said the move opened the doors to expand the company in supplying fresh beef

for its buyers.

This will also indirectly reduce the dependency on food imports, as well as currency flow abroad.

"We will try to get a processing hub to gather the beef supply.

The company will act as a dis-

tribution arm to distribute beef to the local market. The market demand in Klang Valley is naturally bigger, so we will tap this market once we are established," Hisam said.

Last year, the *New Straits Times* reported that senior officers from no fewer than four government agencies were believed to be working hand-in-glove with a cartel specialising in bringing non-certified meat into Malaysia and passing it off as halal-certified products.

These officers, entrusted with the responsibility of ensuring that halal standards were upheld, were bribed in order to turn a blind eye to the cartel's operations and ensure that their activities

were not detected.

It is understood that the cartel had been in operation for more than 40 years.

Eurofresh has given a solid assurance that its imported frozen meat and seafood are guaranteed halal.

The company also stressed that it is obliged to ensure its imported stocks are certified halal by the Malaysian Islamic Development Department (Jakim) with import permit approval by the Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Majis) before it is sold in the local market.

The frozen meat is imported from Australia, New Zealand, India, Brazil and Japan, while seafood is

from Chile, Alaska, Korea and China and does not involve any middle-man or mediator to ship the products into the country, the company assured.

Eurofresh will neither compromise nor establish business relationship with any parties that do not comply with the guidelines set by the two agencies. This is due to the fact that halal is part of the Islamic law.

The company will uphold the good name of its parent company, PPPNP, which is a government-linked company to the Perak government besides being the largest shareholder of the company through Ladang Lekir Sdn Bhd (LLSB).



Perak Plantations, Agriculture and Food Industries Committee chairman Razman Zakaria (third from left) during a visit to Eurofresh Sdn Bhd in Kuala Lumpur yesterday. With him are Eurofresh chief executive officer Yahanis Yahya (second from left) and general manager Mohamad Hisam Mohamad Yusof (right). PIC BY EIZAIRI SHAMSUDDIN